

11 OCT 2001

Mahathir-LIMA

DR MAHATHIR BANGGA DENGAN KEBOLEHAN JURUTERBANG NEGARA

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bangga dengan kebolehan juruterbang pesawat pejuang negara membuat pertunjukan aerobatik udara.

"Walaupun mereka juruterbang pejuang dan bukan juruterbang aerobatik, mereka boleh menunjukkan kebolehan yang menakjubkan," katanya ketika menjawab soalan pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebelum berlepas ke Kuala Lumpur setelah berada di sini selama tiga hari bagi merasmi dan menyaksikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '01).

Pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu menggunakan pesawat pejuang F/A 18D Hornet buatan Amerika Syarikat dan MiG-29N buatan Russia dalam pertunjukan itu.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan sambutan pada LIMA kali ini walaupun terdapat sebilangan kecil syarikat dan pasukan aerobatik menarik diri disebabkan oleh perkara yang tidak boleh dielakkan.

Russia, sebagai contoh, datang dengan kumpulan syarikat dan pesawat yang banyak manakala dalam segmen maritim terdapat sambutan menggalakkan sehingga ada pempamer yang terpaksa menggunakan khemah tambahan, katanya.

Kira-kira 300 pempamer dari 27 negara mengambil bahagian dalam segmen udara yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, bersebelahan dengan lapangan terbang itu, dan 300 pempamer dari 22 negara dalam segmen maritim di Terminal Star Cruise, Porto Malai.

LIMA, yang diadakan dua tahun sekali, berlangsung dari 9 hingga 14 Okt dan pameran itu dibuka kepada pelawat perdagangan dari 9 hingga 12 Okt dan kepada orang ramai pada 13 dan 14 Okt.

-- BERNAMA

JM NMO